

KEPADA ANGGOTA IKHWAN....

Berakhlaklah Dengan Akhlak Yang Baik, Saudara-saudara!

Saudara anggota-anggota Ikhwan,

Baharu-baharu ini Pilihanraya Bandaran Singapura telah diadakan. Yang berjaya dalam pilihanraya itu ialah Petir (Parti Tindakan Rakyat) memenangi 13 daripada 14 orang yang dicalonkannya. Dengan kemenangan itu maka terpilih pihaknya menjadi Datuk Bandar yang pertama bagi bandar raya Singapura.

Pada hari yang pertama apabila hendak diadakan Permesyuaratan Bandar Raya (mengadakan istiadat bersumpah), pengikut-pengikut Petir membuat suatu “riwayat baharu” dengan membakar mercun di tangga bangunan bandar raya sehingga dengan perbuatan itu beberapa orang telah “ditangkap” polis. Ini, khabarnya, dikatakan oleh Datuk Bandar baharu, suatu perbuatan yang tidak salah kerana ini adalah satu “adat” yang bebas dibuat untuk menunjukkan keraian-keraian.

Kemudian esoknya baharu diadakan mesyuarat yang pertama. Mesyuarat ini ramai dikunjungi orang, dan sedang mesyuarat itu berlangsung orang-orang yang hadir (terdiri orang-orang kebanyakan, pemuda-pemuda dan juga kanak-kanak) ada yang menyorak-nyorakkan. Datuk Bandar baharu tidak mau memakai baju Datuk Bandar serta tongkatnya sebagai adat kebiasaan dan hanya menghendaki memakai baju kemeja biasa kononnya, dikhabarkan, untuk menunjukkan: itulah pakaian rakyat.

Yang lebih hebat apabila Ketua Jemaah Bandaran yang lama masuk untuk menyerahkan kuasa kepada Datuk Bandar

baharu orang-orang Petir menunjukkan lagi suatu adatnya iaitu tidak seorang pun yang mau memberi hormat kepadanya – semuanya endah tak endah terus duduk sahaja di kerusi.

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Kalau saudara perhatikan dengan saksama maka di dalam masyarakat kita sekarang telah timbul suatu contoh yang tidak baik yang bakal membawa kepada kerosakan akhlak dan budipekerti orang-orang kita, yang dibawa oleh suatu anasir yang saudara-saudara sendiri dapat menerkannya. Cara kekasaran ini, kerana adanya perasaan-perasaan tidak sukakan bangsa lain, sedikit sebanyak akan memasuki masyarakat kita. Harus orang-orang kita kelak akan terikut-ikut dengan cara itu pada hal kita diajar lain daripada itu oleh Junjungan kita Muḥammad (SAW).

Walaupun bagaimanapun tingginya pelajaran seseorang, walau bagaimana pandainya seseorang kalau akhlak dan budinya tidak terdidik dan diajar dengan baik maka tidak ada penghargaan kepada mereka. Orang tidak akan menghargakan ilmu yang melangit, menggunung pangkat dan kebesarannya kalau akhlak dan budinya tidak baik.

Orang tidak akan hormat kepada kita, tidak akan segan kepada kita kalau kita sendiri tidak hormat kepada orang, tidak tahu menjaga kehormatan diri, tidak menghormati orang lain. Orang akan segan dan hormat kalau kita sendiri tahukan kehormatan

kita. Adat istiadat ini diakui oleh semua orang

Timur dan dijalankan oleh semua orang Timur!

Oleh yang demikian kalau kita mau mendapat kehormatan dan disegani orang maka hendaklah kita tahu menjaga kehormatan diri kita sendiri, kita hendaklah tahu menghormati orang lain – sekalipun kepada musuh kita.

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Bagi kita umat Islam, tidak ada sesuatu perkara yang sebaik-baiknya selain daripada mengikut pertunjuk yang diajar dan ditunjukkan oleh Junjungan kita Muhammad (SAW) di dalam menunjukkan akhlaknya. Beliau diutus adalah membawa sebaik-baik akhlak, sabda beliau: “*Bu ‘ithtu li utammima makārima al-akhlāq*” – aku diutus adalah kerana membawa sebaik-baik akhlak.

Akhlak apakah yang dibawa beliau? Pada suatu masa datang seorang rahib Yahudi melawat beliau. Orang Yahudi, pada setengah-setengahnya, ketat memusuhi Islam. Adakah beliau duduk sahaja atas kedatangan dif itu seperti yang dibuat oleh orang-orang Petir terhadap Tuan Ri? Tidak saudara-saudara, tidak! Beliau bangun dari tempat duduknya lalu datang mengalu-alukannya – datang mendapatkannya lalu dibawanya ke tempat duduknya dan didudukkannya di tempat yang munasabah. Diajaknya rahib Yahudi itu bercakap-cakap dengan tutur kata yang baik dan mesra. Didengarnya habis-habis perkataan orang itu dengan saksama – tidak disampuk-sampuknya. Kemudian apabila ia pergi dihantarkannya ke ambang pintu, dahulukannya ia berjalan sedang Nabi di belakang sedikit berjalan. Disambutnya ia dengan cara kehormatan yang baik. Adakah Nabi dipandang hina kerana ini? Adakah orang memandang hina apakala memberi kehormatan itu? Tidak saudara-saudara, tidak! Rahib itu sendiri memandang hormat dan memuliakan akhlak Nabi yang sebegitu tinggi. Begitu saudara-saudara kalau kita hendak dihormati

orang dan begitu kita berbuat kalau kita hendak

dikasihi orang!

Saudara-saudara anggota Ikhwan!

Sebagai contoh untuk tatapan kita dan untuk jadi ikutan, marilah kita melihat sebahagian daripada adab Nabi yang dijalankan untuk dicontohi oleh umatnya.

Tatkala beliau duduk bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya atau pun orang lain datang melawatnya, beliau tidak pernah menghulurkan kakinya walau bagaimana lama sekalipun mereka datang berjumpa beliau.

Kalau orang berkata-kata dengan beliau, beliau dengar kata-kata orang itu dengan saksama dan bersungguh-sungguh sehingga habis apa yang dikatakan orang itu. Beliau tidak pernah menyampuk kata-kata mereka dalam masa mereka sedang mengeluarkan perkataannya.

Apabila beliau berjumpa dengan sahabat-sahabatnya beliaulah dahulu yang memberi salam kepada mereka, beliau mendahului mereka berjabat salam. Beliau sangat mudah memaafkan orang-orang yang menganiayanya. Ia hubungkan orang-orang yang memutuskan perhubungan kepadanya.

Beliau memuliakan orang-orang yang mengunjunginya dan terkadang-kadang dihamparkan syalnya untuk tempat duduk orang-orang yang datang itu.

Beliau menyuruh sahabat-sahabatnya berjalan di hadapannya sedang beliau sendiri berjalan di belakang mereka. Ia kunjungi ke rumah sahabat-sahabatnya terutamanya apabila mereka sakit atau uzur. Ia menziarahi rumah orang-orang yang kematian dan beliau bersama-sama menghantarkan jenazah ke kubur.

Kalau orang memanggil nama beliau – disahutnya dengan bahasa yang halus. Beliau tidak pernah mengucapkan perkataan-perkataan yang rendah dan keji-keji.

Apabila ada orang meminta pertolongan kepada beliau sedang pada masa itu beliau tidak ada apa pun yang hendak ditolongkan maka selalu disuruhnya orang itu berhutang di atas nama beliau.

Beliau hanya marah kalau orang melanggar larangan Tuhan – selain daripada sebab-sebab itu beliau tidak marah. Beliau juga suka bersenda gurau tetapi gurau senda beliau tidak sekali-kali melewati batas kesopanan. Beliau tidak pernah berdusta. Beliau penyayang kepada kanak-kanak dan suka sekali duduk dengan orang miskin. Beliau menampal sendiri pakaian dan kasutnya yang koyak dan memerah susu kambingnya dengan tangannya sendiri.

Beliau tidak pernah menyusahkan ahli rumahnya tentang makan dan minum. Apabila ada makan tersedia dimakannya apabila tidak ada beliau diam serta beliau makan bersama-sama pelayan beliau. Beliau tidak pernah marah atau mengherdik kepada sesiapa pun, sehingga kepada khadamnya pun beliau berbuat demikian juga.

Saudara-saudara anggota Ikhwan! Inilah dia ajaran akhlak yang ditunjukkan oleh Junjungan kita Muḥammad (SAW) dan inilah yang patut kita ikut – bukannya akhlak yang berbau Komunis atau akhlak orang-orang yang tidak tahu kadar diri. Berakhlak baik itu bukan maknanya kita lemah tetapi bermakna tahu kepada kehormatan diri. Orang yang begini apabila menghadapi sesuatu yang bertentangan dengan hukum Tuhan maka ia sudah tetap akan menegakkan hukum itu walaupun dengan nyawanya sekali.

Sambungan dari muka 20

Apakah yang akan berlaku sekiranya orang-orang ini memegang tampuk pemerintahan negara. Jawapan yang pertama akan berlaku pertentangan dan perkelahian yang hebat di antara tentera dengan Komunis di Tanah Jawa – dan harus merebak ke Sumatera Timur. Hatta adalah diyakinkan tetap akan tegas perdiriannya menghadapi Komunis itu.

Hal ini terang kerana dalam kejadian percubaan membunuh Sukarno di Cikini akhbar-akhbar kiri (Komunis) sentiasa membuat fitnah bahawa yang mencuba bunuh Sukarno itu ialah orang-orang Masyumi. Kerajaan yang ada sekarang terus mendiamkan sahaja fitnahan itu disiarkan seluas-luasnya dengan tidak ada bukti. Semuanya menjadi satu kenyataan bahawa Sukarno dan pengikut-pengikutnya – orang Komunis itu – sentiasa mencari jalan membinasakan orang-orang Islam terutamanya Masyumi. Dengan kerana itu diyakinkan benar bahawa selagi Sukarno memerintah janganlah orang-orang Islam Indonesia akan bermimpi bahawa negara Islam akan tegak di Indonesia! – ini tidak mungkin!

Sambungan dari muka 3

Alhamdulillah, dengan tidak banyak berkata, penerbitan Qalam berusaha dari satu ke satu masa untuk mengadakan buku-buku ilmiah dan bolehlah diakui Qalam-lah yang banyak menerbitkan buku-buku seperti itu terutamanya yang mengenai keagamaan.

Dalam masa ia menempuh tahun-tahunnya yang ke hadapan mudah-mudahan Allah akan memberi taufik dan hidayah-Nya kerana mulai dari tahun ini Qalam akan menumpukan semula perhatiannya untuk menerbitkan buku-buku yang berupa pengetahuan, sama ada mengenai pelajaran di sekolah-sekolah umum, agama ataupun di dalam bahagian-bahagian lain. ***